

Tarawih diguna burukkan kerajaan: PM

BH 10 DEC 2000

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mendedahkan ada masjid menggunakan kesempatan pada bulan puasa ini untuk memburuk-burukkan kerajaan dan berkempen untuk parti pembangkang ketika sembahyang sunat tarawih.

Sambil menamakan masjid terba-

bit terletak di Subang, Perdana Menteri berkata, tindakan itu jelas menyalahgunakan masjid sebagai tempat umat Islam menunaikan ibadat.

"Masjid Subang di 'airport' (lapangan terbang) tu bukan main lagi hentam semua orang. Orang pergi sembahyang Jumaat pun diganggu," katanya pada sidang akhbar selepas

melawat Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, di Wisma Tanah, Jalan Semarak, di sini, semalam.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai hasil mesyuarat Majlis Hal-Ehwal Agama Islam Kebangsaan ke-41, Khamis lalu.

Menurutnya, masjid terbabit dida-

pati mengadakan syarahan politik secara terbuka dengan menghentam kerajaan ketika berhenti pada empat rakaat pertama sembahyang tarawih.

"Bila empat rakaat, dia berhenti. Ada tazkirah kononnya. Dalam masa itu, dia kempen untuk parti Pas se-

LIHAT MUKA 2

Tarawih diguna burukkan kerajaan

DARI MUKA 1

cara terbuka. Orang pergi ke situ untuk sembahyang tarawih, bukan nak dengar syarahan politik," katanya.

Beliau berkata, perbuatan mengadakan ceramah politik seperti itu menunjukkan wujud penyalahgunaan masjid.

"Tapi bila Datuk Seri Abdullah (Timbalan Perdana Menteri) kata masjid bukan untuk itu, dia kata, haa..ini nak pisah agama daripada politik. Itu haram. Siapa kata agama suku, politik suku..."

Menurut Perdana Menteri, masjid bukan saja tempat umat Islam bersembahyang, malah bertujuan merapatkan hubungan sesama jemaah.